



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

KETETAPAN UMUM

**MANFAAT SKIM OPSYEN
SAHAM PEKERJA**

**KETETAPAN UMUM
NO. 4/2004**

TARIKH KELUARAN: 9 DISEMBER 2004



**MANFAAT SKIM
OPSYEN SAHAM PEKERJA
Ketetapan Umum No. 4 /2004**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

Tarikh Keluaran: 9 Disember 2004

KANDUNGAN

		Mukasurat
1.	Pendahuluan	1
2.	Interpretasi	1
3.	Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP)	3
4.	Keadaan di mana manfaat daripada SOSP boleh wujud dan kaedah pengiraan nilai manfaat daripada SOSP	4
5.	Tanggungjawab pekerja	8
6.	Tanggungjawab majikan	9
7.	Tarikh kuatkuasa	10

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia**

1. Ketetapan ini menerangkan:
 - i. layanan cukai berhubung dengan manfaat yang terbit daripada skim opsyen saham pekerja (SOSP) yang diterima oleh seorang pekerja daripada majikannya kerana menjalankan sesuatu penggajian;
 - ii. keadaan di mana manfaat daripada SOSP boleh terbit;
 - iii. penentuan amaun atau nilai yang akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada punca penggajian seseorang pekerja; dan
 - iv. tanggungjawab majikan apabila melancarkan sesuatu SOSP dan tanggungjawab pekerja apabila menerima manfaat daripada SOSP.
2. Peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (*'Akta'*) yang bersangkutan dengan SOSP adalah -
 - **Perenggan 13(1)(a)** - yang memperuntukkan bahawa SOSP adalah satu perkusit dan merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar daripada punca penggajian seseorang pekerja;
 - **Seksyen 25** - bagi menentukan tempoh asas dalam mana SOSP boleh dikaitkan sebagai pendapatan yang diterima oleh pekerja;
 - **Seksyen 77** - tanggungjawab pekerja untuk melaporkan dalam borang cukai pendapatan (Borang B atau BE) kepada LHDN berhubung dengan manfaat daripada SOSP.
 - **Seksyen 83** - tanggungjawab majikan untuk melaporkan dalam Penyata Tahunan (Borang E) kepada LHDN berhubung dengan manfaat daripada SOSP yang diterima oleh setiap pekerja; dan
 - **Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan** di bawah Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) yang berkenaan- berhubung dengan kaedah potongan cukai bulanan yang terbit daripada perkusit seperti opsyen saham.
3. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - 3.1 "Aset ketara" adalah aset yang mempunyai kewujudan fizikal yang boleh disentuh atau dilihat seperti tanah, bangunan, kenderaan, mesin dan pelaburan.
 - 3.2 "Aset tak ketara" adalah aset yang tidak mempunyai kewujudan fizikal tetapi memberi hak kepada pemiliknya untuk menerima bayaran tunai atau faedah lain seperti paten, muhibah dan jenama.
 - 3.3 "Nilai bersih aset ketara" adalah nilai semasa aset setelah ditolak aset tak ketara dan liabiliti.
 - 3.4 "Nilai pasaran"- bagi syarikat yang tersenarai di Bursa Saham adalah purata harga yang dikira dengan mempuratakan harga tertinggi dengan harga terendah pada tarikh opsyen ditawarkan.

-
- 3.5 “Harga tawaran” adalah harga yang perlu dibayar oleh pekerja bagi setiap saham yang ditawarkan.
- 3.6 “Liabiliti” adalah tanggungan yang wujud kerana pinjaman wang, rugi akibat kontingensi, bayaran janji sanggup yang telah diterima atau kerana barang atau perkhidmatan telah diterima tetapi bayarannya belum dijelaskan.
- 3.7 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian bermaksud-
- tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
- 3.8 “Opsyen” adalah pemberian sesuatu hak ke atas sejumlah saham pada sesuatu harga tertentu untuk dilaksanakan di masa hadapan.
- 3.9 “Pekerja” berhubung dengan sesuatu penggajian bermakna-
- orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah pemegang pelantikan atau jawatan yang menzahirkan penggajian itu.
- 3.10 “Penggajian” bermaksud -
- penggajian, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - mana-mana perlantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.11 “Perkusit” bermaksud manfaat yang boleh ditukarkan kepada wang yang diterima oleh pekerja bukan sahaja daripada majikannya tetapi juga daripada pihak ketiga kerana mempunyai atau menjalankan sesuatu penggajian.
- 3.12 “Potongan Cukai Berjadual (PCB)” bermakna potongan cukai pendapatan bulanan yang dibuat mengikut Kaedah 3 Jadual Potongan Bulanan di bawah Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) yang berkenaan.
- 3.13 “Tarikh opsyen ditawarkan” adalah tarikh pekerja diberi hak oleh majikannya untuk membeli sejumlah saham syarikat, syarikat induk atau syarikat subsidiari.
- 3.14 “Tarikh opsyen dilaksanakan” adalah tarikh pekerja melaksanakan opsyen dengan membuat bayaran (jika ada) ke atas saham yang ditawarkannya.

4. Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP)

- 4.1 Secara umum, pemberian saham yang diberikan oleh majikan kepada pekerjanya boleh digolongkan kepada empat (4) kategori seperti berikut-
- 4.4.1 Skim Opsyen Saham Pekerja;
 - 4.4.2 Pelan Pembelian Saham Pekerja;
 - 4.4.3 Skim *Warrant*; dan
 - 4.4.4 Skim *Award*
- 4.2 Layanan cukai ke atas skim pemberian saham di bawah kategori 4.1.2 hingga 4.1.4 akan diterangkan secara berasingan dengan terperinci di dalam Ketetapan Umum yang lain.
- 4.3 SOSP adalah skim pemberian saham sama ada saham dalam syarikat sendiri, syarikat induk atau syarikat subsidiari yang diberikan oleh majikan kepada pekerjanya. Jenis - jenis pemberian saham yang tergolong di bawah kategori SOSP adalah:
- 4.3.1 *Employee's Loyalty Scheme*;
 - 4.3.2 *Stock Option Plan*; dan
 - 4.3.1 sebarang bentuk tawaran saham kepada pekerja oleh majikan yang mempunyai ciri-ciri yang menyerupai tawaran saham di bawah perenggan 4.3.1 dan 4.3.2.
- 4.4 SOSP mempunyai ciri-ciri berikut:
- 4.4.1 adanya '*by-law*' yang mentadbirkan skim pemberian saham tersebut;
 - 4.4.2 terdapat tawaran untuk membeli;
 - 4.4.3 harga saham yang ditawarkan diketahui pada masa tawaran dibuat;
 - 4.4.4 tarikh opsyen ditawarkan juga diketahui; dan
 - 4.4.5 tarikh opsyen dilaksanakan dinyatakan dalam '*by-law*' skim tersebut.
- By-law* merujuk kepada peraturan yang mentadbir sesuatu skim itu, surat tawarannya, borang persetujuan penerimaannya serta ciri-ciri khusus skim akan menentukan jenis skim yang akan ditawarkan. Saham-saham yang ditawarkan kepada pekerja oleh majikan boleh terdiri daripada saham syarikat itu sendiri, saham syarikat induk atau syarikat subsidiari sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia.
- 4.5 Tujuan utama pemberian saham kepada pekerja adalah untuk menghargai peranan pekerja dalam memajukan syarikat dengan mewujudkan perasaan "kepunyaan" di kalangan pekerja bahawa mereka turut mempunyai hak di dalam syarikat dengan pegangan saham syarikat tersebut.



5. Keadaan di mana manfaat daripada SOSP boleh wujud dan kaedah pengiraan nilai manfaat daripada SOSP

- 5.1 Pekerja akan menikmati manfaat daripada SOSP apabila majikan menawarkan kepadanya-
- saham dengan percuma; dan
 - saham yang diterbitkan pada suatu diskaun iaitu pada suatu harga yang lebih rendah daripada nilai pasaran.
- 5.2 Secara ringkas, amaun manfaat daripada SOSP yang diambil kira sebagai perkusit dan dikira sebagai pendapatan penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) Akta adalah-

	RM
Harga pasaran saham pada tarikh opsyen ditawarkan	XXX
Tolak:	
Harga tawaran saham pada tarikh opsyen ditawarkan (jika ada)	<u>XXX</u>
Perkusit di bawah perenggan 13(1)(a) Akta	<u>XXX</u>

Manfaat daripada pemberian SOSP akan terbit pada tarikh opsyen dilaksanakan. Bagi tujuan pengiraan cukai, manfaat ini akan dikaitkan semula kepada tempoh asas dalam tahun opsyen ditawarkan.

Sebarang perubahan yang berlaku ke atas saham tersebut selepas itu seperti:

- kenaikan dan penurunan di dalam nilai saham tersebut;
 - perubahan harga saham akibat pemberian saham bonus berdasarkan pemegangan saham biasa oleh pekerja; dan
 - keuntungan ataupun kerugian saham yang timbul akibat pelupusan saham tersebut tidak akan mempengaruhi dan memberi kesan ke atas pendapatan penggajian pekerja yang boleh dikenakan cukai.
- 5.3 Apabila majikan memberi saham secara percuma kepada pekerjanya untuk menggantikan bayaran sebahagian daripada saraan yang sepatutnya dibayar secara tunai, saham yang diberi itu hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada pendapatan pekerja di bawah perenggan 13(1)(a) Akta kerana ia adalah perkusit kepada sesuatu penggajian. Saham tersebut sebenarnya adalah bayaran yang dibuat dalam bentuk selain daripada wang tetapi ia boleh ditukar kepada wang. Amaun yang diambil kira sebagai pendapatan adalah nilai pasaran ke atas saham tersebut pada tarikh ianya diberikan kepada pekerja. Sebarang kenaikan atau penurunan dalam nilai saham seterusnya adalah kenaikan atau penurunan modal dan ianya tidak memberi apa-apa kesan percukaian ke atas pemegang saham tersebut.

Contoh 1

Pada 1.3.2004, seorang pengarah urusan sebuah syarikat telah diberikan 1,000 unit saham syarikat induknya secara percuma sebagai tambahan kepada gaji yang diterimanya. Saham tersebut didagangkan di Bursa Saham Singapura dan nilai pasaran ke atas saham itu pada 1.3.2004 adalah bersamaan dengan RM4.50 sesaham. Pada 30.4.2004, pengarah tersebut telah menjual sahamnya dengan harga bersamaan RM5.00 seunit.

Manfaat yang boleh dikenakan cukai sebagai perkusit ke atas pekerja ditentukan pada 1.3.2004 adalah harga pasaran saham itu pada 1.3.2004 iaitu $(1,000 \times 4.50) = RM4,500$.

Manfaat ini akan dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan pengajian pekerja untuk Tahun Taksiran 2004. Keuntungan yang diperolehi akibat pelupusan saham tersebut tidak memberi apa-apa kesan percukaian ke atas diri pekerja.

5.4 Apabila majikan menawarkan kepada pekerjanya opsyen untuk membeli saham di bawah syarat-syarat yang menguntungkan, iaitu saham ditawarkan kepada pekerja pada:

- nilai tara sedangkan saham tersebut mempunyai nilai premium di pasaran saham; atau
- satu harga yang telah ditetapkan sedangkan saham tersebut mempunyai nilai yang lebih tinggi di pasaran saham

perbezaan di antara amaun yang dibayar untuk mendapatkan saham itu dengan harga pasaran saham itu pada tarikh opsyen ditawarkan adalah satu manfaat kepada pekerja. Manfaat ini boleh dikenakan cukai sebagai perkusit di bawah perenggan 13(1)(a) Akta kerana ianya terbit daripada sesuatu jawatan ataupun kerana menjalankan suatu pengajian.

Contoh 2

Pada 1.4.2004, majikan Pekerja A telah menawarkannya opsyen untuk membeli 10,000 unit saham syarikat bernilai RM1.00 setiap satu pada nilai tara semasa syarikat menerbitkan saham melalui urusan "IPO". Pada tarikh yang sama, harga saham tersebut di pasaran saham adalah RM1.25. Pekerja A telah melaksanakan opsyen ini pada 1.4.2004.

Manfaat daripada SOSIP yang boleh dikenakan cukai sebagai perkusit ke atas pekerja ditentukan pada 1.4.2004 seperti berikut:

	RM
<i>Harga pasaran ke atas saham pada 1.4.2004 $(1,000 \times 1.25)$</i>	<i>1,250</i>
<i>Harga saham di bawah tawaran opsyen 1.4.2004 $(1,000 \times 1.00)$</i>	<i><u>1,000</u></i>
<i>Perkusit di bawah perenggan 13(1)(a) Akta</i>	<i><u>250</u></i>

Manfaat ini akan dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan pengajian pekerja untuk Tahun Taksiran 2004.

Contoh 3

Sebuah syarikat telah melancarkan satu skim opsyen pembelian saham syarikat kepada pekerjanya pada 2.1.2004. Opsyen untuk membeli saham pada kadar RM1.45 setiap saham telah ditawarkan kepada pekerja pada 28.2.2004. Harga pasaran ke atas saham ini pada 28.2.2004 adalah RM1.65. Pekerja diberi setahun untuk melaksanakan opsyen ini. Pada 31.1.2005, Pekerja B telah melaksanakan opsyen ini dengan membeli 1,000 unit saham syarikat.

Manfaat daripada SOSP yang boleh ditaksir ke atas Pekerja B ditentukan pada 31.1.2005 seperti berikut:

	RM
<i>Harga pasaran ke atas saham pada 28.2.2004(1,000 X 1.65)</i>	<i>1,650</i>
<i>Harga saham di bawah tawaran opsyen pada 28.2.2004(1,000 X 1.45)</i>	<i><u>1,450</u></i>
<i>Perkusit di bawah perenggan 13(1)(a) Akta</i>	<i><u><u>200</u></u></i>

Manfaat ini akan dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan pengajian pekerja untuk Tahun Taksiran 2004.

Contoh 4

Dengan menggunakan Contoh 3, andaikan harga saham yang ditawarkan kepada Pekerja C melalui opsyen ini adalah pada harga diskaun sebanyak 25% daripada harga pasaran.

Manfaat yang dikenakan cukai bagi Tahun Taksiran 2004 yang ditentukan pada 31.1.2005 adalah seperti berikut:

	RM
<i>Harga pasaran ke atas saham pada 28.2.2004(1,000 X 1.65)</i>	<i>1,650.00</i>
<i>Harga saham di bawah tawaran opsyen pada 28.2.2004(1,000 X {75% X 1.65})</i>	<i><u>1,237.50</u></i>
<i>Perkusit di bawah perenggan 13(1)(a) Akta</i>	<i><u><u>412.50</u></u></i>

- 5.5 Dalam keadaan di mana harga tawaran hanya ditetapkan pada tarikh opsyen dilaksanakan, manfaat yang akan diambil kira sebagai perkusit di bawah perenggan 13(1)(a) Akta adalah-

	RM
Harga saham di pasaran pada tarikh ia ditawarkan	XX
Tolak:	
Harga pembelian saham di pasaran pada tarikh ia dilaksanakan	<u>XX</u>
Nilai manfaat sebagai perkusit di bawah perenggan 13(1)(a) Akta	<u><u>XX</u></u>



Contoh 5

Sebuah syarikat telah melancarkan satu skim opsyen pembelian saham syarikat kepada pekerjanya pada 2.1.2004. Opsyen tersebut telah ditawarkan kepada pekerja pada 28.2.2004 tetapi tidak menetapkan harga yang patut dibayar bagi setiap saham yang dibeli. Harga pasaran ke atas saham ini pada 28.2.2004 adalah RM1.65. Pekerja diberi setahun untuk melaksanakan opsyen ini. Pada 31.1.2005, Pekerja D telah melaksanakan opsyen ini dengan membeli 1,000 unit saham syarikat yang telah ditawarkan kepadanya dengan harga RM1.39 setiap saham.

Manfaat daripada SOSP yang boleh ditaksir ke atas Pekerja D ditentukan pada 31.1.2005 seperti berikut:

	RM
<i>Harga saham di pasaran pada tarikh tawaran</i>	
<i>28.2.2004(1,000 X 1.65)</i>	<i>1,650</i>
<i>Harga pembelian saham di pasaran pada tarikh dilaksanakan</i>	
<i>31.1.2005 (1,000 X 1.39)</i>	<u><i>1,390</i></u>
<i>Perkusit di bawah perenggan 13(1)(a) Akta</i>	<u><u><i>260</i></u></u>

Manfaat ini akan dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan penggajian Pekerja D untuk Tahun Taksiran 2004.

Jika harga saham yang dibeli di bawah opsyen pada 31.1.2005 adalah RM1.70 seunit, tiada manfaat yang akan dikenakan cukai ke atas Pekerja D bagi Tahun Taksiran 2004.

5.6 Saham yang ditawarkan tidak disenaraikan di Bursa Saham

Di mana syarikat yang tidak disenaraikan di Bursa Saham memberi sahamnya atau saham dalam syarikat induk atau syarikat subsidiarinya secara percuma atau menawarkan saham tersebut pada satu harga tertentu, tiada harga pasaran yang boleh dikaitkan ke atas saham tersebut. Dalam keadaan ini, pengiraan manfaat daripada SOSP dikira seperti berikut:

	RM
Nilai saham pada tarikh opsyen ditawarkan*	XX
Tolak:	
Harga saham yang ditawarkan di bawah opsyen	<u>XX</u>
Perkusit di bawah perenggan 13(1)(a) Akta	<u>XX</u>

*Nilai saham di kira seperti berikut:

Nilai saham = $\frac{\text{Nilai Bersih Aset Ketara}}{\text{Bilangan Saham Biasa}}$

Contoh 6



Sebuah syarikat telah melancarkan satu skim opsyen pembelian saham kepada pekerjanya pada 1.3.2004. Saham yang ditawarkan di bawah opsyen itu adalah saham dalam sebuah syarikat subsidiari yang tidak tersenarai di mana-mana Bursa Saham. Pada 1.4.2004, Pekerja E telah ditawarkan opsyen untuk membeli 1,000 saham syarikat tersebut dengan harga RM0.80. Opsyen tersebut telah dilaksanakan pada 31.1.2005. Kunci Kira-Kira Beraudit Syarikat Subsidiari pada 1.4.2004 menunjukkan perkara-perkara berikut:

Nilai bersih aset ketara	RM3,750,000
Bilangan saham biasa	4,000,000

Manfaat daripada SOSP yang boleh dikenakan cukai sebagai perkusit ke atas Pekerja E ditentukan pada 31.1.2005 seperti berikut:

	RM
Nilai saham pada 1.4.2004(1,000 X 0.9375*)	937.50
Harga saham di bawah opsyen saham pada 1.4.2004 (1,000 X 0.80)	<u>800.00</u>
Perkusit di bawah perenggan 13(1)(a) Akta	<u>137.50</u>

Nilai saham dikira seperti berikut:

**Nilai saham = $\frac{\text{Nilai Bersih Aset Ketara}}{\text{Bilangan Saham Biasa}} = \frac{\text{RM3,750,000}}{4,000,000} = \text{RM0.9375}$*

Manfaat ini akan dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan penggajian Pekerja E untuk Tahun Taksiran 2004.

Contoh 7

Dengan menggunakan Contoh 6, jika saham itu diberikan percuma kepada Pekerja E, manfaat daripada SOSP yang boleh dikenakan cukai sebagai perkusit ke atas dirinya untuk Tahun Taksiran 2004 adalah-

	RM
Nilai saham pada 1.4.2004(1,000 X 0.9375*)	937.50
Harga saham di bawah opsyen saham pada 1.4.2004	<u>TIADA</u>
Perkusit di bawah perenggan 13(1)(a) Akta	<u>937.50</u>

6. Tanggungjawab pekerja

Pekerja dikehendaki –

- 6.1 Melaporkan dalam Borang Cukai Pendapatan (Borang B atau BE) pekerja amaun yang berkaitan dengan manfaat daripada SOSP yang telah dilaksanakan;
- 6.2 Membuat taksiran dengan mengambil kira manfaat di atas sebagai pendapatan daripada penggajian bagi tempoh asas dalam mana manfaat tersebut ditawarkan; dan
- 6.3 Memastikan bahawa cukai pendapatan ke atas manfaat tersebut di bayar-
 - 6.3.1 melalui potongan daripada saraan di bawah Skim Potongan Berjadual (PCB) dalam bulan opsyen dilaksanakan atau jumlah cukai tersebut dibayar melalui

skim ansuran berasaskan Skim Potongan Berjadual (PCB) (bilangan ansuran yang dibenarkan adalah maksimum 12 bulan); atau

- 6.3.2 semasa mengemukakan Borang Cukai Pendapatan (Borang B atau BE).
- 6.4 Memastikan bahawa cukai pendapatan ke atas manfaat tersebut di bayar semasa mengemukakan Borang Cukai Pendapatan (Borang B atau Borang BE). Walau bagaimanapun, pekerja boleh berunding dengan Cawangan Pungutan untuk membayar amaun cukai tersebut secara ansuran. Dalam kes ini, majikan mesti mematuhi arahan C.P 38 yang dikeluarkan oleh Cawangan / Unit Pungutan.

7. Tanggungjawab majikan

- 7.1 Apabila sesebuah syarikat melancarkan satu SOSP kepada pekerja, syarikat tersebut sebagai majikan hendaklah dalam tempoh 30 hari selepas tamat tempoh penerimaan tawaran oleh pekerja seperti yang ditetapkan di bawah *By-law* SOSP, memberitahu LHDN mengenai pelancaran SOSP tersebut. Pada masa yang sama, majikan dikehendaki membuat pengiraan manfaat sesaham yang terbit daripada SOSP. LHDN tidak akan mengeluarkan apa-apa surat kelulusan. Pemberitahuan mengenai pelancaran dan pengiraan manfaat daripada SOSP hendaklah dibuat dengan melengkapkan Borang BT/ESOS/2005 dan disokong dengan dokumen-dokumen berikut:
- 7.1.1 *By-law* atau perundangan kecil yang mentadbir SOSP;
- 7.1.2 Resolusi Lembaga Pengarah atau Resolusi Mesyuarat Umum Luar Biasa yang meluluskan pelancaran SOSP tersebut;
- 7.1.3 Contoh surat tawaran dengan menyatakan harga tawaran dan bilangan yang ditawarkan;
- 7.1.4 Contoh surat penerimaan tawaran;
- 7.1.5 Harga pasaran pada tarikh opsyen ditawarkan dan buktinya (yang boleh diperolehi daripada keratan akhbar atau dimuat turun daripada laman web yang menunjukkan aktiviti perdagangan saham tersebut pada hari itu); dan
- 7.1.6 Bagi syarikat yang menawarkan saham dalam syarikat yang tidak disenaraikan di Bursa Saham-
- Kunci kira-kira syarikat yang mana sahamnya ditawarkan kepada pekerja. Kunci kira-kira adalah pada tarikh opsyen itu ditawarkan dan ianya hendaklah beraudit; dan
 - Contoh sijil yang akan dikeluarkan kepada pekerja; dan
- 7.1.7 Lampiran A- Senarai pekerja yang menerima tawaran.
- 7.2 Pemberitahuan serta dokumen sokongan di atas hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

**MANFAAT SKIM
OPSYEN SAHAM PEKERJA
Ketetapan Umum No. 4 /2004**

Tarikh Keluaran: 9 Disember 2004

Pengarah,
Jabatan Teknikal,
Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia
Tingkat 12, Blok 9,
Kompleks Bangunan Kerajaan,
Jalan Duta,
50758 Kuala Lumpur.

- 7.3 Apabila seseorang pekerja yang ditawarkan SOSP telah melaksanakan haknya di bawah opsyen tersebut, majikan hendaklah-
- 7.3.1 memastikan bahawa cukai yang akan dikenakan ke atas manfaat yang terbit daripada SOSP dipotong daripada saraan pekerja berasaskan Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan (PCB) dalam bulan opsyen itu dilaksanakan; atau
 - 7.3.2 jika pekerja memilih untuk membayar cukai tersebut secara ansuran melalui Skim Potongan Cukai Berjadual, majikan hendaklah membuat potongan cukai daripada saraan pekerja tersebut setiap bulan (selama 12 bulan maksimum) bermula daripada bulan opsyen tersebut dilaksanakan. Contoh pengiraan potongan cukai pendapatan daripada saraan adalah seperti dalam Lampiran B.
 - 7.3.3 Dalam kes di mana pekerja memilih untuk membayar sendiri cukai pendapatan yang terbit daripada perkusit ini pada penghujung tahun, majikan perlu memastikan supaya pilihan tersebut dibuat oleh pekerja secara bertulis.
- [Jika Cawangan Pungutan telah bersetuju untuk membenarkan pekerja membayar cukai ke atas manfaat SOSP secara ansuran dengan mengeluarkan Arahan Potongan Cukai C.P. 38, majikan hendaklah mematuhi potongan cukai di bawah arahan tersebut.]
- 7.4 Majikan juga dikehendaki melaporkan manfaat ini dalam Borang EA pekerja bagi tahun opsyen tersebut dilaksanakan. Pada masa yang sama, majikan juga dikehendaki mengemukakan kepada Pengarah, Jabatan Teknikal, LHDN sesalinan nama-nama pekerja yang telah melaksanakan hak mereka di bawah sesuatu opsyen seperti dalam Lampiran C.
8. Majikan dikehendaki mematuhi peruntukan Seksyen 82A Akta berhubung dengan tanggungjawabnya untuk menyimpan dokumen bagi tujuan audit.
9. Ketetapan ini akan berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 2004 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.

**Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri**

**CONTOH PENGIRAAN
POTONGAN CUKAI PENDAPATAN DARIPADA SARAAN
BERHUBUNG DENGAN MANFAAT DARIPADA SOSP**

Tarikh Opsyen Diberi:	1 Mac 2004
Tarikh Opsyen Dilaksanakan:	2 Mei 2006
Harga Tawaran (1 Mac 2004):	RM1.00
Harga Pasaran (1 Mac 2004):	RM2.00
Nilai Manfaat:	RM1.00

Jika pekerja diberi hak untuk membeli 50,000 saham, jumlah nilai manfaat apabila pekerja melaksanakan haknya pada 2 Mei 2006 adalah:

$$50,000 \times \text{RM}1.00 = \text{RM}50,000$$

Andaikan pekerja mempunyai status berikut:

Pekerja berkahwin	
Isteri bekerja	
2 orang anak layak pelepasan	
Saraan bulanan	RM3,600.00
KWSP	RM396.00
Jumlah manfaat	RM50,000.00

Kategori dirujuk adalah Kategori 3/KA 2 Jadual PCB

A. Amaun cukai yang dipotong berkaitan dengan saraan bulanan (tidak termasuk manfaat daripada SOSP) adalah-

	RM
Saraan bulanan	\$3,600.00
Tolak: KWSP	<u>396.00*</u>
	<u>\$3,204.00</u>

PCB atas RM3,204,00 = RM48.00

B. Amaun cukai yang dipotong berkaitan dengan saraan bulanan jika termasuk manfaat daripada SOSP adalah-

- (i) $(1 \times 12 \times \text{Manfaat}) + \text{Saraan bersih bulanan}$
 $(1 \times 12 \times \text{RM}50,000) + \text{RM}3,204 = \text{RM}7,370$

Nota:

* Nilai pembawa bagi contoh pengiraan ini mengambil kira gaji sehingga maksimum 12 bulan. Nilai pembawa ini boleh dikurangkan bersesuaian dengan bilangan potongan gaji yang diperlukan.

- (ii) Amaun cukai yang perlu dipotong di atas jumlah yang ditentukan di dalam (i) -
 PCB atas RM7,370 = RM616.00

(iii) Amaun PCB berkaitan dengan SOSP sebulan = RM616- RM48 = RM568

(iv) Amaun cukai yang perlu dipotong bermula daripada bulan manfaat diterima/opsyen dilaksanakan adalah $RM48 + RM568 = RM616^*$

Nota: Mengikut bilangan bulan potongan seperti (i) di atas.

Berdasarkan kaedah ini, majikan perlu memotong RM616 daripada saraan pekerja setiap bulan selama 12 bulan bermula daripada bulan dalam mana SOSP tersebut dilaksanakan/saham diberi.

Peringatan: Dalam kes di mana tarikh opsyen dilaksanakan melibatkan tahun-tahun lepas, majikan adalah dikehendaki supaya meremitkan bayaran dengan menggunakan CP 39 yang berasingan dan dengan menyatakan tahun taksiran yang berkenaan (satu senarai untuk satu tahun taksiran) bagi memudahkan butiran bayaran direkodkan oleh Cawangan Pungutan berdasarkan tahun taksiran yang berkenaan.

Seperti dalam contoh di atas, oleh kerana tarikh pemberian saham adalah 1 Mac 2004 sementara tarikh opsyen dilaksanakan adalah pada 2 Mei 2006, dengan itu potongan seperti dalam (ii) di atas akan bermula dalam bulan Mei atau Jun 2006. Majikan dikehendaki menyediakan dua salinan CP 39 iaitu untuk Tahun Taksiran 2004 dan Tahun Taksiran 2006. Amaun potongan bagi tahun semasa (RM48) hendaklah dilaporkan dalam senarai CP39 untuk Tahun Taksiran 2006, sementara amaun potongan bagi tahun lepas (RM568) hendaklah dilaporkan dalam senarai CP 39 untuk Tahun Taksiran 2004.

LAMPIRAN C

**SENARAI NAMA-NAMA PEKERJA
YANG MELAKSANAKAN TAWARAN
DI BAWAH SKIM OPSYEN SAHAM PEKERJA (SOSP)**

NAMA SOSP: _____

TARIKH SKIM DILANCARKAN: _____

Bil.	Nama/ No. K.P./ No. Pasport	No. Cukai Pendapatan	Alamat	Harga Pasaran @ Tarikh Opsyen Diberi	Harga Tawaran @ Tarikh Opsyen Diberi	Manfaat Sesaham	Bil. Saham Ditawar kan	Bil. Saham Dilaksana kan

.....
Tandatangan

.....
Nama

.....
Jawatan

Tarikh:

Cap syarikat:

**PEMBERITAHUAN OLEH MAJIKAN
DI BAWAH SEKSYEN 83 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
BERHUBUNG DENGAN
MANFAAT YANG DITERIMA OLEH PEKERJA DARIPADA
SKIM OPSYEN SAHAM PEKERJA**

(Borang ini hendaklah di lengkapi oleh Majikan dalam 1 salinan dan dikemukakan ke alamat berikut dalam tempoh 30 hari selepas tamat tempoh penerimaan tawaran opsyen oleh pekerja seperti mana yang ditetapkan di bawah Undang-undang kecil SOSP)

PENGARAH,
JABATAN TEKNIKAL,
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI, MALAYSIA
BLOK 9, TINGKAT 12,
KOMPLEKS PEJABAT BANGUNAN KERAJAAN,
JALAN DUTA,
50758 KUALA LUMPUR.

1. Nama Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP) yang dilancarkan:

2. Tarikh SOSP dilancarkan:

3. Tempoh skim:

4. Bilangan skim yang dilancarkan sebelum ini (jika ada):

5. Jumlah saham yang ditawarkan melalui skim ini:

a. Kuantiti: _____ (unit)

b. Peratusan berbanding modal berbayar syarikat: _____ (%)

6. Maklumat berhubung dengan syarikat yang melancarkan SOSP:

a. Nama syarikat: _____

b. Alamat syarikat: _____

c. No. Telefon: _____

d. No. Faksimili: _____

e. No. Cukai Pendapatan Syarikat: _____

f. Cawangan LHDN: _____

g. No. Cukai Pendapatan sebagai Majikan: No. E _____

7. Nama syarikat yang sahamnya ditawarkan

8. Maklumat syarikat jika ianya selain daripada syarikat yang melancarkan skim tersebut

- a. Nama syarikat _____
- b. Negara asal: _____
- c. Alamat: _____
- d. No. Tel & Faks: _____
- e. No. Cukai Pendapatan (jika ada): _____
- f. No. Majikan: _____
- g. Cawangan LHDN: _____

9. Nama-nama syarikat subsidiari/sekutu yang menyertai SOSP di atas:

Bil .	Nama syarikat	No. Tel No. Faks	No. Cukai Pendapatan	Alamat	Nombor Majikan

10. **Keterangan ringkas skim yang dilancarkan:**

Keterangan ini hendaklah merangkumi objektif dan ciri-ciri utama skim, syarat penyertaan, cara pembiayaan serta faedah lain yang ditawarkan kepada pekerja yang berhubung kait dengan skim ini seperti diskaun yang diberi ke atas harga semasa pembelian, sumbangan oleh majikan bagi membiayai pembelian, elaun untuk menanggung cukai ke atas manfaat yang timbul daripada SOSP ini, dll.

(Sediakan lampiran yang berasingan)

11. Tarikh opsyen diberi:

Sekiranya opsyen diberi berperingkat, nyatakan bilangan dan asas penentuan tarikh opsyen berkenaan:

12. Tarikh opsyen dilaksanakan:

13. Pengiraan manfaat SOSP

Tarikh Opsyen Diberi (A)	Harga Pasaran Pada Tarikh Opsyen Diberi (B)	Harga Tawaran Pada Tarikh Opsyen Diberi (C)	Manfaat daripada SOSP (B)-(C)

14. Pengakuan Majikan:

Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberi dalam borang pemberitahuan ini adalah benar dan betul.

Tandatangan Majikan _____

Nama: _____

Jawatan: _____

Cap Rasmi Syarikat: _____